



**PENERAPAN NILAI – NILAI KEUSAHAWANAN MELALUI MATA
PELAJARAN VOKASIONAL
(MPV)**

IRDAWATY BINTI MOHD BOKHARI



**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006





PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

10.04.2006

Tandatangan
IRDAWATY BINTI MOHD BOKHARI
M 20031001249





PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan Nya memberikan kemudahan, kekuatan dan kelapangan bagi membolehkan penulis menyiapkan kertas projek ini selaras dengan kehendak kerja jursus peringkat Sarjana, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberi dorongan dan sokongan dalam menjayakan penulisan ini khususnya kepada Puan Norsamsinar binti Samsudin, selaku penyelia akademik yang prihatin dan bersedia meluangkan masa dalam memberi bimbingan dan teguran dan pandangan yang sangat besar maknanya kepada penulis. Segala tunjuk ajar beliau akan dijadikan panduan serta bekalan yang sangat berguna dalam kerjaya.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di empat buah sekolah yang terlibat dengan kajian ini di dalam memberi kerjasama dan membantu memberi maklumat yang diperlukan.

Tidak ketinggalan juga penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada sahabat karib, Cik Hariaty Ab. Wahid dan mereka yang telah memberi bantuan sama ada secara langsung atau tidak secara langsung, bersama-sama memberikan idea dan perangsang sehingga berjaya menyiapkan projek ini.

Akhir sekali penghargaan yang begitu istimewa buat ayahanda Mohd Bokhari bin Yaakub dan bonda tercinta Sabariah binti Abdul Manap, kekanda Saiful Zaini, Khatijatul Nor Huda, Badrol Hisham dan Aida Samira serta anakanda yang dikasihi, Arriana yang banyak berkorban kasih sayang, bersabar, bersama-sama dalam susah senang selama meneruskan perjalanan hidup selama ini serta mendoakan kejayaan penulisan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keupayaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Raub, Jerantut dan Bentong, Pahang. Di samping mengenal pasti persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran MPV oleh guru, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada wujud perhubungan di antara kecenderungan minat pelajar dengan nilai-nilai keusahawanan. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara mata pelajaran yang ditawarkan oleh pihak sekolah dan pekerjaan ibu bapa dengan nilai – nilai keusahawanan pelajar. Seterusnya, kajian ini adalah untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan dari segi tahap nilai – nilai keusahawanan antara pelajar-pelajar MPV dan bukan MPV serta mengikut jantina. Data ditinjau dengan memilih 4 buah sekolah daripada 13 buah sekolah di Pahang yang ada menawarkan MPV ini. Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 12.0. Data dianalisis menggunakan min, peratusan, frekuensi dan ujian statistik seperti Ujian Anova, Ujian – t serta Pekali Hubungan Pearson. Dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian tahap nilai – nilai keusahawanan di kalangan pelajar yang mengikuti program MPV berada di tahap yang tinggi. Persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru juga didapati positif. Selain itu, didapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara mata pelajaran MPV yang ditawarkan oleh pihak sekolah dan pekerjaan ibu bapa dengan penerapan nilai – nilai keusahawanan. Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap nilai – nilai keusahawanan antara pelajar MPV dengan pelajar bukan MPV. Namun, kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penerapan nilai – nilai keusahawanan mengikut jantina di kalangan pelajar-pelajar MPV. Selain itu, kajian mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan diantara minat pelajar dengan penerapan nilai-nilai keusahawanan.





ABSTRACT

The purpose of this study is to evaluate whether the teaching of Vocational subjects (MPV) among secondary school students particularly in the districts of Raub, Jerantut and Bentong would be able to instil entrepreneurship awareness. Besides determining the students' perception on teaching and learning process applied by teachers, the study also determines relationships between students' tendencies of interests with entrepreneurship values. Furthermore, the study looks at differences of entrepreneurship values between students who took up Vocational subjects (MPV) and those students who were not, and between gender as well. Four schools that offered Vocational subjects were selected as research samples. This study is a survey study and questionnaires were used to collect data. The data was analyzed using the SPSS Version 12.0 and presented in the form of mean scores, percentages, frequencies and statistical tests such as Anova Test, T-Test and Pearson (r) Correlation Test. The results show that the level of entrepreneurship values among the Vocational students is high. The students' perception on teachers' teaching and learning is positive. There is no significant difference between Vocational subjects offered by the schools and parents' occupation with the cultivation of entrepreneurship values. There is also no significant difference in the level of entrepreneurship values between Vocational and non-Vocational students. Also, there is no significant difference in cultivating entrepreneurship values based on the students' gender. However, this study reveals that there is a significant relationship between the students' interest and the cultivation of entrepreneurship values.





KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	5
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Kerangka Konseptual	15
1.10	Definisi Operasional	18
1.10.1	Nilai-nilai Keusahawanan	18
1.10.1	Berani Mencuba	18
1.10.2	Bertanggungjawab	19
1.10.3	Ketegasan Diri	19
1.10.4	Berinisiatif	20
1.10.5	Bekerjasama	20
1.10.6	Bermatlamat	20
1.10.7	Beristiqamah	21
1.10.2	Program MPV	21
1.10.3	Dimensi Pengajaran	22
1.10.4	Latar Belakang	23
1.11	Rumusan	23

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Konsep Usahawan dan Keusahawanan	
2.2.1	Konsep Usahawan	26
2.2.2	Konsep Keusahawanan	28
2.2.3	Ciri-ciri Usahawan Berjaya	29
2.2.4	Nilai-nilai Keusahawanan	33
2.2.5	Pendidikan Teknik dan Vokasional	35



2.3	Kajian-Kajian Lepas yang Berkaitan	
2.3.1	Kajian Mengenai Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Kepada Pelajar Sekolah Menengah	41
2.3.2	Kajian Mengenai Proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan	44
2.3.3	Kajian Mengenai Perhubungan Di antara Latar Belakang Demografi Pelajar Dengan Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan	51
2.4	Rumusan	54

BAB 3

METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	57
3.4	Alat Kajian	58
3.4.1	Pembinaan Alat Kajian	59
3.4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	62
3.4.3	Kajian Rintis	63
3.5	Tatacara Pemerolehan Data	64
3.6	Tatacara Penganalisan Data	64
3.7	Rumusan	65

BAB 4

HASIL DAPATAN

4.1	Pendahuluan	67
4.2	Profil Responden Kajian	68
4.2.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	68
4.2.2	Bilangan Responden Mengikut Etnik	69
4.2.3	Bilangan Responden Berdasarkan MPV Yang Ditawarkan Oleh Pihak Sekolah	70
4.2.4	Keputusan KHB Responden Dalam PMR	71
4.2.5	Latar Belakang Pekerjaan Ibu Bapa Responden	72
4.2.6	Cita-Cita Responden	74
4.2.7	Pengalaman Berniaga Responden	75
4.3	Analisis Dapatan Kajian	76
4.3.1	Apakah Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar yang Mengambil Mata Pelajaran Vokasional (MPV) ?	76
4.3.2	Persepsi Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Menerapkan Nilai-Nilai Keusahawanan di dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	78
4.3.2.1	Persepsi Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru	78
4.3.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Guru	80



4.3.2.3	Persepsi Pelajar Terhadap Isi Kandungan Keusahawanan	82
4.3.3	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar Berdasarkan Mata Pelajaran yang Ditawarkan Oleh Pihak Sekolah	85
4.3.4	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Ibubapa	86
4.3.5	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar MPV dengan Pelajar Bukan MPV	87
4.3.6	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Pelajar MPV Mengikut Jantina	88
4.3.7	Hubungan Antara Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar dengan Kecenderungan Minat Pelajar	89
4.4	Rumusan	90

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	92
5.2	Ringkasan Kajian	92
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.3.1	Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Kepada Pelajar Melalui Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	94
5.3.2	Persepsi Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Dalam Menerapkan Nilai-Nilai Keusahawanan Kepada Pelajar MPV	96
5.3.3	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Ibubapa	101
5.3.4	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar MPV dengan Pelajar Bukan MPV	105
5.3.5	Perbezaan Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Pelajar MPV Mengikut Jantina	106
5.3.6	Hubungan Antara Tahap Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Di kalangan Pelajar dengan Kecenderungan Minat Pelajar	107
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	108
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	109
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	110
5.7	Rumusan	112

RUJUKAN

113

LAMPIRAN

Borang Soal Selidik	124
---------------------	-----



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Halaman
1.1	Perlaksanaan Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik Harian (Tahun 2002-2005)	6
2.1	Ciri-ciri Usahawan Yang Berjaya	30
2.2	Nilai-nilai Keusahawanan Hasil Beberapa Penyelidik	34
2.3	Unjuran Sekolah, Kelas dan Pelajar MPV di Sekolah Menengah Akademik (Tahun 2002-2005)	39
3.1	Taburan Item Untuk Mengukur Penerapan Nilai-nilai Keusahawanan	60
3.2	Taburan Item Untuk Mengukur Kaedah Pengajaran Guru	60
3.3	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item	63
3.4	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pembolehubah	65
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	68
4.2	Bilangan Responden Mengikut Etnik	69
4.3	Bilangan Responden Mengikuti MPV Yang Ditawarkan Oleh Pihak Sekolah	70
4.4	Keputusan KHB Responden Dalam PMR	71
4.5	Latar Belakang Pekerjaan Bapa Responden	72
4.6	Latar Belakang Pekerjaan Ibu Responden	73
4.7	Cita-cita Responden	74
4.8	Pengalaman Berniaga Responden	75
4.9	Tahap Nilai-nilai Keusahawanan Pelajar yang Mengambil MPV	77
4.10(a)	Persepsi Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru Dalam Menerapkan Nilai-nilai Keusahawanan	79
4.10(b)	Persepsi Pelajar Terhadap Kekerapan Penggunaan Kaedah Pengajaran	81
4.10(c)	Persepsi Pelajar Terhadap Isi Kandungan Tajuk Keusahawanan	83
4.11	Perbezaan Dari Segi Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan Mengikut MPV yang Ditawarkan oleh Pihak Sekolah	85
4.12	Perbezaan Tahap Nilai-Nilai Keusahawanan Mengikut Pekerjaan Ibu dan Bapa	86
4.13	Perbezaan Tahap Nilai-Nilai Keusahawanan Antara Pelajar MPV Dengan Bukan MPV	88
4.14	Perbezaan Tahap Nilai-Nilai Keusahawanan Mengikut Jantina	89
4.15	Hubungan Di Antara Minat Pelajar Dengan Penerapan Nilai-Nilai Keusahawanan	90





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Halaman

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

17





SENARAI SINGKATAN

CIPP	Contexts, Input, Process, Product
DEB	Dasar Ekonomi Baru
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
IKM	Institut Kemahiran MARA
IKS	Industri Kemahiran MARA
IT	Information Technology
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KIPP	Konteks, Input, Proses, Produk
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MKM	Majlis Koperasi Malaysia
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
PMR	Penilaian Menengah Rendah
POLISAS	Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PTB	Program Tunas Bestari
PUM	Program Usahawan Muda
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Isu keusahawanan telah mula berkembang di Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Matlamat utama DEB adalah untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan, serta mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia supaya ketidakseimbangan ekonomi dapat diperbetulkan. Salah satu strategi penting untuk mencapai matlamat DEB adalah mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perusahaan bumiputera yang berdaya maju. Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk meningkatkan prestasi agenda pengagihan terutama pemilikan ekuiti Bumiputera, pengagihan pendapatan di antara kaum dan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penggalakan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006).

Bidang keusahawanan adalah satu bidang penting bagi sesebuah negara kerana melaluinya budaya makan gaji dapat dikikis di kalangan rakyat, sebaliknya budaya





mencipta pekerjaan dapat dipupuk. Ini selaras dengan KDNK negara yang telah berkembang sebanyak 4% hingga 5% sebagaimana yang dinyatakan dalam pelunjuran bermula pada tahun 2002. Dengan prestasi keseluruhan ekonomi negara yang bertambah baik, maka lebih banyak peluang-peluang perniagaan dapat diwujudkan, pengangguran terus dikawal dan ekonomi kekal dalam kedudukan guna tenaga penuh. Menyedari pentingnya peranan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) bagi meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan telah melaksanakan Pelan Induk Ekonomi berasaskan pengetahuan. Pelan induk ini yang telah dilancarkan pada bulan September 2002 menggariskan 7 strategi utama yang mengandungi beberapa cadangan untuk mempercepatkan peralihan ekonomi berasaskan pengetahuan. Salah satu daripada perkara penting yang diberi tumpuan adalah pembangunan sumber manusia (Laporan Ekonomi, 2002 / 2003).

Selain itu, Wawasan 2020 yang telah diperkenalkan pada 1990an boleh dianggap sebagai langkah pertama Malaysia untuk menguasai Era Teknologi Informasi dan dunia globalisasi. Untuk membolehkan Malaysia membuat satu peningkatan yang besar ke arah status negara industri dan akhirnya mencapai tahap k-ekonomi, negara Malaysia perlu membina satu sistem pendidikan bertaraf dunia untuk menghasilkan tenaga kerja yang bertaraf dunia. Oleh itu, penerapan nilai-nilai keusahawanan melalui mata pelajaran di sekolah adalah amat penting diserapkan ke dalam pendidikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi melahirkan usahawan yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Mastor (2003) menyatakan bahawa sebenarnya penerapan nilai-nilai keusahawanan dan kemahiran menguruskan perniagaan telah mula diterapkan secara tidak langsung dalam sistem pendidikan Malaysia sejak tahun 1968, apabila Jabatan



Pembangunan Koperasi memperkenalkan kedai koperasi yang berskala kecil di sekolah-sekolah menengah. Seterusnya, unsur-unsur keusahawanan ini telah diperkenalkan secara formal dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah yang diajarkan kepada pelajar-pelajar Tahap 2 sejak Kurikulum Baru Sekolah Rendah diperkenalkan pada tahun 1980.

Pada tahun 1988, apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal, unsur perdagangan dan keusahawanan telah diselitkan sebagai komponen teras dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Dalam masa yang sama, unsur keusahawanan ini telah dimasukkan ke dalam mata pelajaran Perdagangan dalam tahun 1993 sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya pada tahun 1998 pula, unsur keusahawanan ini telah diserapkan pula ke dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Manakala dalam tahun 2002, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) telah diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar-pelajar tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah harian biasa, disamping menerapkan beberapa bidang kemahiran dimasukkan juga unsur-unsur keusahawanan. Pada tahun 2003 pula, telah dimulakan mata pelajaran Pendidikan Keusahawanan di Sekolah Menengah Teknik. Penerapan keusahawanan juga telah diterapkan melalui aktiviti ko-kurikulum sekolah seperti Kelab Koperasi Sekolah, Hari Kantin, Pestaria Sekolah, Hari Keusahawanan Sekolah dan Program Usahawan Remaja.

Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan kunci kepada peningkatan pelajar dalam prestasi akademik. Pemilihan strategi yang sesuai lagi berkesan mampu membantu pelajar untuk



mencapai objektif pengajaran serta memberikan maklumbalas yang positif dalam proses pembelajaran. Bagi menentukan keberkesanan sesuatu strategi pengajaran, seseorang guru perlu mengenal pasti keupayaan dan keperluan pelajar dalam menerima isu pengajaran yang disampaikan (Ang 1999 dan Omardin 1999).

Menurut Mohd Amir Sharifuddin dan Halimah (1992), untuk melahirkan para pelajar yang berkebolehan, matang dan mampu menjalankan sesuatu perniagaan, peranan guru dan pentadbir sekolah amat penting. Guru-guru sewajarnya memainkan peranan penting dalam menyampaikan isi pengajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan seperti kemahiran berfikir, persembahan lisan, kemahiran diagnostik, kerja kumpulan, kajian kes, penyelesaian masalah, perbincangan, simulasi, main peranan dan kaedah arahan sendiri (*individual instruction method*). Semua teknik pengajaran tersebut amat berkesan kerana ia dapat melibatkan pelajar serta dapat mencungkil bakat kepimpinan yang ada pada mereka. Ia juga dapat melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berani, kreatif dan inovatif.

Selain Kementerian Pelajaran, terdapat badan-badan lain yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan bidang keusahawanan dengan merancang pelbagai program dalam bentuk kursus jangka panjang atau latihan jangka pendek kepada bakal-bakal usahawan. Di antaranya ialah Kementerian Pembangunan Usahawan Negara dan Kementerian Sumber Manusia. Program-program anjuran badan-badan tersebut diperkembangkan sehingga di peringkat lepasan sekolah dan juga lepasan institusi pengajian tinggi seperti Program Tunas Bestari, Program Usahawan Muda, Rakan Muda dan Tunas Mekar.

Mohd Amir Sharifuddin dan Halimah (1992), telah mencadangkan beberapa strategi bagi membangunkan masyarakat pembangunan dan perindustrian Bumiputera. Salah satu di antaranya ialah dengan menerapkan budaya niaga dan nilai usahawan



disemua tahap pendidikan daripada peringkat prasekolah hingga ke institusi pengajian tinggi khususnya di universiti perlu diwujudkan '*entrepreneur park*'. Pelajar digalakkan untuk mencuba bidang perniagaan selama satu atau dua tahun selepas tamat pengajian.

Labaree (1997) dalam Ramlee *et al.* (2003) menyatakan bahawa sekolah dan institusi akademik ditubuhkan untuk melahirkan golongan cerdik pandai yang akan meneruskan dan mengembangkan disiplin ilmu yang dianggap penting untuk tamadun manusia. Manakala sekolah dan pusat latihan vokasional ditubuhkan untuk menyediakan secara berterusan tenaga manusia yang diperlukan bagi membangun sektor ekonomi. Objektif penubuhan sekolah vokasional adalah supaya kurikulum sekolah lebih responsif terhadap keperluan guna tenaga mahir dan separa mahir.

Walau apapun bentuk program yang dilaksanakan untuk menerapkan konsep keusahawanan sama ada di peringkat sekolah, lepasan sekolah, kelulusan institusi pengajian tinggi dan juga untuk usahawan-usahawan yang sedia ada, penilaian perlu dilakukan bagi melihat keberkesanannya. Norasmah (2002) menyatakan bahawa penilaian ke atas sesuatu program usahawan perlu untuk menyediakan suasana persekitaran program yang lebih baik khususnya bagi proses pengajaran dan pembelajaran keusahawanan di kalangan pelajar.

1.2 Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV)

Program MPV adalah singkatan nama kepada 22 mata pelajaran elektif bercorak kemahiran vokasional di Tingkatan 4 dan 5 yang mula ditawarkan secara berperingkat-peringkat di sekolah menengah akademik harian mulai tahun 2002.

Penawaran berperingkat-peringkat 22 mata pelajaran kemahiran ini dilaksanakan dalam 4 fasa mulai 2002 hingga 2005 seperti yang ditunjukkan di dalam rajah 1.1 di bawah :

Jadual 1.1

**Perlaksanaan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik
Harian (Tahun 2002-2005)**

Bil	Mata Pelajaran Vokasional	Tahun Perlaksanaan			
		2002 Fasa 1	2003 Fasa 2	2004 Fasa 3	2005 Fasa 4
1.	Pembinaan Domestik	X			
2.	Membuat Perabot		X		
3.	Seni Reka Tanda		X		
4.	Menservis Peralatan Elektrik Domestik		X		
5.	Rekaan dan Jahitan Pakaian	X			
6.	Katering dan Penyajian		X		
7.	Landskap dan Nurseri		X		
8.	Tanaman Makanan	X			
9.	Pemprosesan Makanan				X
10.	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi				X
11.	Produk Multimedia		X		
12.	Grafik Berkomputer		X		
13.	Pendawaian Domestik				X
14.	Menservis Automobil			X	
15.	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyaman Udara				X
16.	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak				X
17.	Hiasan Dalaman Asas			X	
18.	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut				X
19.	Kerja Paip Domestik				X
20.	Kimpalan Arka dan Gas				X
21.	Menservis Motor				X
22.	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik				X

Sumber : Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
(November 2003)

MPV diperkenalkan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan di peringkat

yang lebih tinggi. Seterusnya, MPV mempunyai objektif-objektifnya yang tersendiri iaitu untuk :

- memberi peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka.
- Membekalkan kemahiran vokasional terutamanya kepada pelajar yang cenderung dalam pertukangan tangan.
- Memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah menengah akademik.
- Sebagai persediaan awal bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam perindustrian negara.

Selain daripada itu, setiap sekolah yang berminat untuk menawarkan program MPV, boleh menawarkan sehingga 4 MPV (mengikut kesediaan sekolah) dengan 1-2 kelas bagi setiap mata pelajaran. Setiap kali amali dikendalikan dalam jadual waktu sekolah (mengikut kesesuaian jadual) bagi 16-25 orang murid. MPV diperuntukkan 12 waktu seminggu kecuali mata pelajaran 'Produksi Multimedia' dan 'Grafik Berkomputer' yang dikendalikan dalam masa 8 waktu seminggu. Seterusnya sekolah berkenaan mestilah mempunyai guru yang berminat dan mempunyai kelayakan yang berlatar belakangkan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu, Sains, Fizik, Kimia, Biologi, Ketukangan, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian atau Kejuruteraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Manakala dalam bidang pembelajaran MPV, tajuk-tajuk keusahawanan yang didedahkan kepada pelajar adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran membuat keputusan, rancangan perniagaan,



agensi-agensi yang membantu usahawan dalam aspek pemasaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

1.3 Pernyataan Masalah

Bagi melahirkan seorang usahawan yang berjaya dan mampu menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Negara, penerapan nilai-nilai keusahawanan perlu dilakukan di peringkat pendidikan awal sekolah menengah (Nor Aishah Buang, 2000). Ini selaras dengan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang mula diperkenalkan pada tahun 2002 adalah merupakan mata pelajaran elektif bagi pelajar – pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk ke aliran sains tulen selepas peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PMR). Program MPV ini bertujuan untuk menerapkan pelbagai kemahiran kepada pelajar dan perlaksanaan pengajaran serta pembelajarannya berbentuk '*hands on*'. Di samping bermatlamat untuk memudahkan para pelajar memasuki pasaran kerajaan untuk melahirkan '*k-workers*', program ini juga bertujuan supaya para pelajar tersebut dapat mencipta pekerjaan sendiri dengan cara memulakan dan menjalankan perniagaan.

Nor Aishah dan Siti Rahaya (1995) mengutamakan peranan inovasi dalam keusahawanan. Pendidikan Keusahawanan bukan hanya untuk menggalak pelajar-pelajar supaya boleh berniaga tetapi seharusnya ke arah menghasilkan sesuatu teknik atau produk yang membuat kehidupan orang ramai lebih selesa. Zaidatol dan Habibah (1997a), Zakaria (1998) dan Norasmah (2002) pula berpendapat bahawa untuk mencapai matlamat ini, maka cara pengajaran pendidikan keusahawanan di dalam kelas





haruslah aktif, melibatkan situasi sebenar dan supaya dapat memberikan pengalaman kepada pelajar.

Selaras dengan itu, komponen keusahawanan dijadikan sebagai satu tajuk penting yang merentasi kesemua 22 kemahiran vokasional yang ditawarkan. Pada peringkat permulaan, guru-guru yang dipilih untuk mengajar dalam program ini adalah mereka yang terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, Teknologi Kejuruteraan, Pendidikan Seni, Ekonomi Rumah Tangga dan Pertanian (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Persoalannya, apakah persepsi pelajar-pelajar MPV terhadap pengajaran dan pembelajaran guru mata pelajaran tersebut dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan kepada mereka.

Selain itu, adakah tajuk-tajuk yang berkaitan keusahawanan yang dimuatkan di dalam sukatan pelajaran MPV dapat menerapkan nilai-nilai atau budaya keusahawanan kepada pelajar-pelajar berkenaan. Seterusnya, teknik pengajaran dan pembelajaran guru juga merupakan faktor penting dalam memberi kesedaran kepada pelajar mengenai pentingnya nilai-nilai keusahawanan dalam kehidupan seharian mereka.

Mengikut Zaidatol Akmaliah (1994), elemen-elemen keusahawanan tidak ditonjolkan secara langsung dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional. Oleh itu, pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah yang mendapat sijil kemahiran vokasional hanya berfikir untuk bekerja makan gaji dan tidak pernah terfikir untuk membuka perniagaan sendiri. Pada masa itu, kajian berkaitan keberkesanan pendidikan teknik dan vokasional dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah masih amat terhad. Sehubungan dengan itu, guru-guru MPV digesa untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan secara langsung di dalam pengajaran dan pembelajaran MPV melalui teori dan praktikal kepada pelajar.



Selain itu kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi MPV juga perlulah bersesuaian dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Selain pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, pelajar perlu diberi peluang untuk memiliki pengalaman berjinak-jinak dengan aktiviti keusahawanan secara amali. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari secara praktis.

Berdasarkan fenomena-fenomena dan pernyataan-pernyataan di atas, pengkaji merasakan perlu untuk meninjau penerapan nilai-nilai keusahawanan melalui Program MPV yang baru memasuki tahun ketiga diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) di sekolah menengah harian.

1.4 Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk meninjau penerapan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar -pelajar sekolah menengah harian di dalam Program Mata Pelajaran Vokasional oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkaitan dengan matlamat ini, objektif-objektif kajian adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Meninjau tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar yang mengambil Mata Pelajaran Vokasional (MPV).
- 1.4.2 Meninjau persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran komponen keusahawanan di dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV).

- 1.4.3 Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan mata pelajaran yang ditawarkan oleh pihak sekolah.
- 1.4.4 Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan pekerjaan ibubapa.
- 1.4.5 Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar MPV dan pelajar bukan MPV.
- 1.4.6 Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan jantina.
- 1.4.7 Mengenal pasti sama ada wujud perhubungan yang signifikan antara tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar dengan kecenderungan minat pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, maka beberapa persoalan perlu di jawab oleh kajian ini seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar yang mengambil Mata Pelajaran Vokasional (MPV) ?

- 1.5.2 Apakah persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan di dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV) ?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan mata pelajaran yang ditawarkan oleh pihak sekolah ?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan pekerjaan ibubapa ?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar MPV dan pelajar bukan MPV ?
- 1.5.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan jantina ?
- 1.5.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar dengan kecenderungan minat pelajar ?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul berikut adalah bagi menjawab persoalan kajian 1.5.3, 1.5.4, 1.5.5, 1.5.6 dan 1.5.7.

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan mata pelajaran yang ditawarkan oleh pihak sekolah.

H₀₂ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan pekerjaan ibubapa.

H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar MPV dan pelajar bukan MPV.

H₀₄ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar berdasarkan jantina.

H₀₅ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar dengan kecenderungan minat pelajar.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang meninjau penerapan nilai-nilai keusahawanan di dalam MPV. Tumpuan hanya kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 di 4 buah sekolah menengah harian di Negeri Pahang . Negeri Pahang dijadikan sebagai tempat kajian kerana sehingga tahun 2005, terdapat sebanyak 13 buah sekolah menengah harian yang menawarkan MPV ini tetapi masih belum ada kajian ke atasnya. Menurut Majid Konting (2000) peratusan sampel sebanyak 30 peratus adalah mencukupi untuk mewakili sesuatu populasi kajian. Selain itu, kajian ini hanya menumpukan kepada 6 daripada 22 mata pelajaran MPV kerana hanya mata pelajaran tersebut sahaja yang ditawarkan di sekolah-sekolah berkenaan. Mata pelajaran tersebut adalah Pembinaan Domestik, Seni Reka Tanda, Rekaan dan Jahitan Pakaian, Katering dan Penyajian, Tanaman Makanan serta Produksi Multimedia.

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dan bukan kaedah eksperimen dalam meninjau penerapan nilai-nilai keusahawanan di dalam program

MPV kerana pengkaji tidak membina dan melaksanakan modul sendiri, tetapi pembentukan dan pengendalian modul pengajaran telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan. Maka, pengkaji tidak mempunyai kemampuan untuk membuat sebarang pengubahsuaian dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran MPV.

Seterusnya data-data yang diperoleh untuk kajian ini dibatasi oleh item-item yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Dapatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran responden untuk menjawab pernyataan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang diedarkan. Kajian ini adalah merupakan kajian kes. Oleh itu dapatan kepada kajian ini lebih menggambarkan pandangan responden di tempat penyelidikan dijalankan. Ini bermakna kemungkinan dapatan kajian adalah berbeza sekiranya dilaksanakan di tempat lain dengan menggunakan instrumen yang sama.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas 135 orang pelajar MPV di sekolah menengah harian di daerah Raub, Jerantut dan Karak. Sehubungan dengan itu hasil kajian ini diharap dapat menyediakan data dan menjadi bahan rujukan yang berguna kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah dalam mengubahsuai dan menggubal Kurikulum Keusahawanan yang bertujuan memperhebat pembudayaan keusahawanan di peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia pada masa akan datang.

Dapatan kajian ini juga akan dapat membantu Universiti Pendidikan Sultan Idris, universiti-universiti tempatan yang menganjurkan program Pendidikan dan maktab-maktab perguruan dalam mengenalpasti nilai-nilai keusahawanan yang perlu

diterapkan dalam isi kandungan latihan guru-guru pelatih mata pelajaran Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan. Langkah ini adalah bersesuaian bagi memperkasakan lagi profesion perguruan sekaligus merealisasikan pendidikan bertaraf dunia.

Akhir sekali penemuan ini diharapkan dapat membantu guru-guru dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar-pelajar agar selari dengan kehendak Kurikulum Pendidikan dan mencapai objektif yang disasarkan, iaitu melahirkan lebih ramai bakal-bakal usahawan muda yang bakal menyemarakkan lagi arena keusahawanan tanahair.

1.9 Kerangka Konseptual

Sesuatu program yang berjaya adalah apabila matlamat dan objektifnya tercapai. Reider (1998) berpendapat bahawa penilaian dibuat untuk mengetahui faedah-faedah yang diperolehi daripada sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian biasanya dilakukan semasa proses perlaksanaan program dan laporannya disiapkan sebaik sahaja program tersebut berakhir. Manakala, Nixon (1992) dalam Norasmah (2002), mendefinisikan penilaian sebagai sesuatu yang boleh digunakan untuk memperbaiki pelaksanaan sistem pendidikan dan boleh membantu pihak perancang polisi membuat keputusan.

Seterusnya, Nor Haida (2004) menyatakan bahawa peninjauan penerapan nilai ke atas sesuatu program latihan penting supaya kelemahan peserta dapat diatasi dan proses penambahbaikan boleh dibuat dari masa ke semasa agar program latihan yang dianjurkan benar-benar mencapai matlamat. Sehubungan dengan itu, kajian ini

merupakan satu bentuk kajian peninjauan penerapan nilai-nilai keusahawanan di dalam Program Pendidikan Kemahiran Vokasional. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keupayaan Program MPV menerapkan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar yang berkaitan dan tidak bertujuan untuk memberi sebarang komen mengenai pembentukan kurikulum.


Menurut Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997b), terdapat 42 nilai-nilai keusahawanan yang dikaitkan dengan usahawan yang berjaya pada masa kini. Sabri (2002) pula telah membuat kesimpulan daripada hasil kajian tentang usahawan daripada pengkaji-pengkaji lain dan telah mengutarakan bahawa orang yang berjaya dalam bidang keusahawanan mempunyai nilai-nilai keusahawanan yang hampir sama. Namun, bagi membina kerangka konseptual kajian ini hanya tujuh nilai-nilai keusahawanan sahaja yang disesuaikan dengan personaliti pelajar-pelajar sekolah menengah iaitu berani mencuba (Ab. Aziz 2003), bertanggungjawab (Loo 1992; Rafik 1998), ketegasan diri (Ab. Aziz 2003), berinisiatif (Ab. Aziz 2003; Khairuddin 2003), bekerjasama (Loo 1992; Zafir dan Fazilah 2003), bermatlamat (Timmons *et al.* 1997) dan beristiqamah (Ibrahim 1992).

Pengkaji juga merasakan untuk melahirkan seorang bakal usahawan yang mempunyai daya saing dan semangat kental dalam mengharungi dunia perniagaan, ia perlulah dibentuk dan diberi pendedahan awal semenjak dari bangku sekolah lagi. Penerapan nilai-nilai keusahawanan yang paling penting bagi diri pengkaji untuk diterapkan kepada bakal-bakal usahawan adalah cita-cita atau hasrat untuk memajukan diri dan perniagaan yang bakal dijalankan seterusnya memperbaiki mutu kerja serta sedia untuk menerima sebarang perubahan yang membina. Selain itu juga ilmu adalah merupakan senjata yang dapat digunakan untuk memperbaiki kelemahan diri dan perniagaan yang dijalankan selain pengalaman yang dikutip selama

menempuh perjalanan sebagai seorang usahawan sama ada melalui pengalaman diri sendiri atau pengalaman usahawan-usahawan yang lebih berjaya untuk dijadikan pemotivasi diri.

Selain itu, kajian ini juga meninjau aspek mata pelajaran Vokasional (MPV) dari perspektif kaedah pengajaran, isi kandungan pelajaran dan mata pelajaran yang ditawarkan dalam menerapkan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar. Manakala faktor latar belakang responden yang dikaji adalah pekerjaan ibu bapa, jantina dan pengalaman. Perspektif mata pelajaran Vokasional yang berinteraksi dengan aspek latar belakang responden adalah merupakan pembolehubah tak bersandar manakala nilai-nilai keusahawanan merupakan pembolehubah bersandar dalam kajian ini.

Berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan di atas, satu kerangka konseptual kajian telah dibentuk dan digunakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kerangka konseptual ini telah digambarkan dalam Rajah 1.1 di bawah :



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian

Sumber : Diadaptasi daripada model penilaian Hammond 1973

1.10 Definisi Operasional

Empat istilah didefinisikan secara operasional mengikut maksud dalam kajian ini dan untuk memudahkan perbincangan dibuat.

1.10.1 Nilai-Nilai Keusahawanan

Loo (1992) merujuk nilai-nilai keusahawanan yang terdapat dalam masyarakat termasuklah sikap gotong-royong, jujur dan menepati janji, berpersatuan, berjimat cermat serta bertanggungjawab. Manakala Ab. Aziz (2003), nilai-nilai murni yang perlu dimiliki oleh usahawan ialah berani mencuba, penetapan matlamat, jangkaan diri, kecekalan, yakin diri, inisiatif diri, bertanggungjawab, belajar dari maklum balas, mewujudkan hubungan dengan individu yang boleh membantu, kesediaan meminta nasihat dari pakar-pakar dan sistematik dalam melaksanakan pekerjaan.

Manakala dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih tujuh nilai-nilai keusahawanan yang ingin dikaji iaitu berani mencuba, bertanggungjawab, ketegasan diri, berinisiatif, bekerjasama, bermatlamat dan beristiqamah.

1.10.1.1 Berani Mencuba

Konsep berani mencuba mengikut Ab. Aziz (2003) adalah berani melakukan atau menerokai sesuatu bidang yang belum pernah diceburi orang lain. Konsep berani mencuba dalam kajian bermaksud seseorang pelajar itu mempunyai pemikiran yang

terbuka dan sanggup untuk menyertai apa sahaja pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak luar.

1.10.1.2 Bertanggungjawab

Nilai tanggungjawab mengikut Loo (1992) merujuk kepada seseorang usahawan itu bertanggungjawab terhadap diri, masyarakat dan negara seperti mewujudkan pekerjaan, mengurangkan pengangguran, dan menyumbang ke arah pembangunan negara. Manakala mengikut Rafik (1998), bertanggungjawab merujuk kepada sifat tanggungjawab atau akauntabiliti yang perlu ada pada setiap usahawan kerana manusia perlu dipertanggungjawabkan atas segala perbuatannya. Nilai tanggungjawab dalam kajian ini merujuk kepada kesanggupan pelajar untuk menerima kerja atau tugas yang diberikan kepadanya untuk dilaksanakan.

1.10.1.3 Ketegasan Diri

Usahawan perlu berani untuk bertindak untuk membuktikan kekuatan dan kelemahan yang dihadapinya dalam menjalankan perniagaan, merupakan nilai ketegasan diri, (Ab. Aziz, 2003). Nilai ketegasan diri dalam kajian ini bermaksud seseorang pelajar itu mesti berpendirian tegas dalam segala tindakan yang diambilnya, iaitu tidak mudah mengaku kalah.

1.10.1.4 Berinisiatif

Menurut Khairuddin (2003), daya inisiatif bermaksud melakukan sesuatu yang lebih daripada apa yang telah ditetapkan dalam sesuatu bidang pekerjaan. Ab. Aziz (2003) pula berpendapat bahawa daya inisiatif adalah sikap melakukan sesuatu perkara tanpa menunggu diarah atau dipaksa untuk melakukannya. Kajian ini menggunakan maksud daya inisiatif oleh Ab. Aziz iaitu seseorang pelajar itu mempunyai sikap melakukan sesuatu pekerjaan atau tugas tanpa perlu banyak mendapat arahan daripada orang lain.

1.10.1.5 Bekerjasama

Nilai bekerjasama menurut Loo (1992) merujuk kepada semangat saling bantu membantu dalam menjayakan sesuatu projek supaya ianya berjaya seperti yang telah dirancang. Zafir dan Fazilah (2003), berpendapat bahawa bekerjasama bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan secara berpasukan. Nilai bekerjasama dalam kajian ini bermaksud semangat bantu membantu dalam melakukan sesuatu pekerjaan sama ada dalam kelas ataupun di luar kelas.

1.10.1.6 Bermatlamat

Bermatlamat dalam kajian ini merujuk kepada pengertian yang diterangkan oleh Timmons *et al.* (1997) iaitu seseorang usahawan yang berjaya mestilah mempunyai matlamat yang jelas dan tidak kabur. Maka seseorang pelajar yang dikatakan ingin

menjadi usahawan mestilah telah menetapkan matlamat masa hadapannya dengan jelas.

1.10.1.7 Beristiqamah

Nilai beristiqamah menurut Ibrahim (1992), bererti mempunyai intergriti, keteguhan atau ketetapan hati, ketabahan dan ketekunan. Tanpa nilai ini, seseorang akan menjadi cepat malas, lemah semangat, letih, cuai dan tawar hati serta tidak mempunyai pendirian yang tetap. Nilai beristiqamah dalam kajian ini bermaksud mempunyai ketetapan hati dan tekun dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

1.10.2 Program MPV

Program MPV adalah singkatan kepada Mata Pelajaran Vokasional yang menawarkan 22 mata pelajaran elektif bercorak kemahiran vokasional kepada pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang mana ia mula ditawarkan secara berperingkat-peringkat di dalam empat fasa di Sekolah Menengah Akademik harian mulai tahun 2002 – 2005 (Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM 2003).

Program MPV dalam kajian ini hanya merujuk kepada 6 daripada 22 mata pelajaran yang ditawarkan di 4 buah Sekolah Menengah harian di daerah Raub, Jerantut dan Karak, Pahang. Mata Pelajaran tersebut adalah Seni Reka Tanda, Tanaman Makanan, Rekaan Jahitan Pakaian, Katering dan Penyajian, Pembinaan Domestik dan Produksi Multimedia yang telah ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 4

di SMK Panglima Garang Abd Samad dan SMK Tersang di Raub, SMK Karak di Karak dan SMK PPP Tun Abd Razak di Jerantut, Pahang pada tahun 2005.

1.10.3 Dimensi Pengajaran

Dimensi pengajaran dalam kajian ini meliputi kaedah pengajaran guru, mata pelajaran yang ditawarkan oleh pihak sekolah dan juga isi kandungan tajuk keusahawanan yang dimasukkan ke dalam MPV.

Kaedah pengajaran merujuk kepada teknik-teknik pengajaran digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran MPV. Teknik pengajaran dalam kajian ini tertumpu kepada kaedah pengajaran secara penerangan dan edaran, pembacaan, perbincangan, aktiviti berstruktur, kerja lapangan dan lawatan. Ini termasuk isi kandungan pengajaran meliputi tajuk-tajuk keusahawanan yang dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran MPV iaitu Pengurusan dan Keusahawanan yang merangkumi kemahiran berkomunikasi, kemahiran membuat keputusan, rancangan perniagaan dan agensi-agensi yang membantu usahawan dalam aspek pemasaran.

Mata Pelajaran yang ditawarkan oleh pihak sekolah dalam kajian ini hanya merujuk kepada enam mata pelajaran vokasional yang ditawarkan oleh pihak sekolah tempat penyelidikan dijalankan iaitu Seni Reka Tanda, Tanaman Makanan, Rekaan Jahitan Pakaian, Katering dan Penyajian, Pembinaan Domestik dan Produksi Multimedia.

1.10.4 Latar Belakang

Bagi aspek dimensi latar belakang, kajian ini hanya memfokus kepada pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran vokasional sebagai mata pelajaran elektif. Aspek yang akan dikaji mengenai pelajar adalah berkaitan pengalaman, jantina dan latar belakang pekerjaan ibu bapa mereka. Seterusnya, bagi meninjau penerapan nilai-nilai keusahawanan, pelajar Tingkatan 4 dari aliran Sains dari sekolah yang sama juga dipilih sebagai responden. Ini bertujuan untuk meninjau tahap nilai-nilai keusahawanan yang terdapat dalam diri mereka yang tidak mengikuti program MPV.

1.11 Rumusan

Pelajar MPV yang bakal menjadi usahawan di masa hadapan merupakan nadi dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara perlu mempunyai nilai-nilai keusahawanan yang murni dalam dirinya. Selain dari teori keusahawanan yang dipelajari, pelajar dapat mengaplikasikannya secara paktikal di alam pekerjaan mereka nanti. Ilmu dan pengalaman adalah dua aspek yang amat penting dalam penerapan nilai-nilai keusahawanan bagi melahirkan bakal usahawan yang berjaya. Bagi penerapan nilai-nilai keusahawanan ini pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Seorang bakal usahawan yang berjaya dapat menyumbang jasa dan hasil yang bukan sahaja berfaedah kepada diri sendiri malah kepada masyarakat dan Negara yang tercinta. Kajian ini cuba meninjau program MPV dalam melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan

dan memulakan perniagaan dengan memuatkan tajuk-tajuk pengurusan dan keusahawanan serta nilai-nilai keusahawanan di dalam sukatanannya agar sekurang-kurang ia dapat melahirkan usahawan di masa hadapan walaupun hanya dalam bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS).